



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN DEMOGRAFI DENGAN KEBOLEHUPAYAAN BEKERJA
DALAM KALANGAN GRADUAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA,
BRUNEI***

SAIFUL RIZAL HAJI ARIFFIN

IPSS 2016 1



**PERKAITAN DEMOGRAFI DENGAN KEBOLEHUPAYAAN BEKERJA
DALAM KALANGAN GRADUAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, BRUNEI**

Oleh

SAIFUL RIZAL HAJI ARIFFIN



Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

Mac 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PERKAITAN DEMOGRAFI DENGAN KEBOLEHUPAYAAN BEKERJA DALAM KALANGAN GRADUAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, BRUNEI

Oleh

SAIFUL RIZAL BIN HAJI ARIFFIN

Mac 2016

Pengerusi : Profesor Bahaman Abu Samah, PhD
Institut : Pengajian Sains Sosial

Isu graduan tidak mendapat pekerjaan mendapat perhatian penting dewasa ini. Salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan dan peluang pekerjaan kepada belia adalah dengan memberikan mereka latihan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Walau bagaimanapun, setelah mengikuti pelbagai latihan kemahiran dan kursus pembangunan diri, masih terdapat sebahagian graduan yang belum mendapatkan sebarang pekerjaan. Situasi ini menimbulkan pertanyaan apakah faktor yang menyebabkan mereka tidak dapat memasuki bidang pekerjaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehupayaan bekerja graduan dan perkaitan demografi dengan kebolehupayaan bekerja dalam kalangan graduan di Pusat Pembangunan Belia Brunei.

Kajian kuantitatif menggunakan kaedah deskriptif ini melibatkan 225 orang graduan lepasan pelbagai jenis kursus di Pusat Pembangunan Belia. Perisian SPSS digunakan dalam penganalisan data kajian ini. Ujian-t digunakan bagi mengetahui perbezaan kebolehupayaan bekerja antara graduan dengan faktor demografi dan analisis korelasi digunakan untuk mengenal pasti perkaitan antara pembolehubah. Kebolehupayaan bekerja yang mengandungi dimensi keadaan/pembelajaran kebolehupayaan bekerja, Sikap diri terhadap tanggungjawab dan Kemahiran Insaniah dalam kerja sebagai pembolehubah bersandar.

Kajian mendapati secara keseluruhannya dimensi kebolehupayaan bekerja adalah pada tahap tinggi. Sementara itu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kebolehupayaan bekerja graduan mengikut faktor demografi seperti jantina dengan min 3.96 bagi lelaki dan 3.98 perempuan. Begitu juga dengan latar belakang akademik dengan nilai min 3.98 bagi tingkatan empat ke bawah dan 3.97 bagi tingkatan lima ke atas. Manakala analisis korelasi juga

menunjukkan tidak terdapat perkaitan antara umur dan jangka masa mendapatkan pekerjaan dengan kebolehupayaan bekerja ($r=.077$, $p<.352$; $r=.076$, $p<.361$). Secara keseluruhannya, kajian mencadangkan bahawa Program Pembangunan Belia yang dijalankan telah memberikan kesan positif ke atas para graduan dengan memperolehi aspek-aspek yang diperlukan dalam kebolehupayaan bekerja sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan. Walau bagaimanapun masih terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi kebolehupayaan bekerja graduan sehingga menyebabkan mereka belum mendapatkan sebarang pekerjaan. Dapatan ini memungkinkan satu kajian baru untuk dilaksanakan bagi mengetahui apakah faktor lain yang mempengaruhi kebolehupayaan bekerja graduan dari aspek yang lain pula.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

DEMOGRAPHIC RELATIONSHIP WITH EMPLOYABILITY AMONG THE GRADUATES OF YOUTH DEVELOPMENT CENTRE, BRUNEI

By

SAIFUL RIZAL BIN HAJI ARIFFIN

March 2016

**Chairman : Professor Bahaman Abu Samah, PhD
Institute : Social Science Studies**

Issues of graduates not getting jobs have raised common attention nowadays. One way to increase the capabilities and opportunities to the youth is by giving them the skills training which are required by the industry. However, after attending various skills training and personal development courses, there still exist some graduates who have difficulty getting employment. This situation raises questions on what factors that could hinder them from entering employment field. Therefore, this study is carried out to identify the level of graduates' employability and the relationship between demographics and the employability of Brunei Youth Development Program graduates.

This quantitative study uses descriptive data involving 225 graduates from various courses at The Youth Development Center. This study uses SPSS software for data analyses. T-test was used to determine the differences between graduates' employability with the demographic factor, where as correlation analysis was used to determine any relationship between the variables.

The results of this study showed that overall the three employability dimension scored significantly high. Meanwhile, there was no significant difference between the graduates' employability and gender with a mean score of 3.96 for males and 3.98 for females. The same result were obtained for graduates with an academic background of below form four ($M=3.98$) and above form five ($M=97$). Through correlation analysis, the study also found that there were no significant relationship between age and the period of time to get a job time with graduates' employability ($r = .077, p < .352$; $r = -.076, p < .361$). Overall, the study suggests that ongoing Youth Development Program has a positively assist graduates to acquire the necessary requirements to enhance their employability. However there still exist other factors that affect the graduates' employability, which in turn

could impede their chances of letting causing them not getting any jobs. These finding allow future study to be conducted in order to find out any other factors affecting the graudates' employability level.



PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya jua maka disertasi ini telah siap diungkayahkan dengan sempurna.

Penghargaan dan ucapan setinggi terima kasih saya tujukan kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran di dalam profesi kebeliaan.

Sukacita saya ucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr. Bahaman Abu Samah yang selama ini banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan panduan berguna di sepanjang proses persiapan disertasi ini, dan begitu juga dengan Dr. Nobaya Ahmad Fakulti Ekologi Manusia yang juga banyak membantu sebelum saya menjelaskan kaki ke UPM lagi kerana beliaulah kontak pertama saya untuk mengikuti kursus di UPM.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada para pensyarah-pensyarah dan kakitangan IPSAS yang telah banyak membantu memudahkan segala urusan pentadbiran dan penyelarasaran penulisan tesis hingga ke penerbitan. Tanpa bantuan mereka agak susah saya membuat komitmen memandangkan hampir keseluruhn waktu persiapan tesis saya sedang berada di Brunei dan merekalah selaku wakil saya menguruskan segalanya di Malaysia.

Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih ini ditujukan kepada Pengarah Belia dan Sukan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan Ketua Pusat Pembangunan Belia yang telah memberikan keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian serta kepada pegawai-pegawai, kakitangan, tenaga-tenaga pengajar dan juga para pelatih yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan. Sesungguhnya segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan amat saya sanjungi dan hargai.

Akhirnya ucapan ini saya tujukan kepada seluruh ahli keluarga yang tersayang, terutama buat Ayah saya Haji Ariffin Bin Abdullah yang sentiasa mengiringi saya dengan doa dan kepada mentua saya Hajah Maimunah Binti Haji Munchong, dan juga buat seluruh ahli keluarga saya atas sokongan serta bantuan dan teristimewa sekali khusus buat isteri yang disayangi Masrinah binti Haji Hassan yang sanggup mengambil alih tugas menjaga anak-anak dan

rumah sepanjang peninggalan saya ke Malaysia untuk mengikuti pengajian, sentiasa sabar dan tidak pernah jemu memberikan sokongan, bantuan dan semangat kepada saya dalam meneruskan perjuangan pencarian ilmu ini. Untuk anak-anak yang tersayang dan dikasihi Abdul Mateen, Abdul Waliyul Hakim, Hasya Hanan Insyirah dan Dhiya' Ain Fatihah, terima kasih kerana kerana semuanya.....

Tidak dilupakan bahawa segala hasil usaha ini adalah hasil doa seorang ibu yang mahukan anaknya terus berjaya. Walaupun tanpa adanya beliau disisi lagi dan kasih Allah jua..begitu juga dengan Allahyarham ayah mertua saya syang selalu bertanya dimana saya berada pada setiap waktu. saya pohonkan agar roh Allahyarham dan Allahyarhamah sentiasa berada dalam rahmat dan kasih Allah.

Di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih buat rakan-rakan dan sahabat-sahabat seperjuangan di Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar dan semangat untuk meneruskan perjuangan kepenghujungnya.

Kepada Allah Ta'ala dipohonkan semoga segala sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan akan diberikan ganjaran yang setimpal dan semoga segala urusan kita dipermudahkan dan amalan kita sentiasa diterima dan mendapat daripadanya jua. Amin Ya Rabb al-Alamin.

Wassalam,
Saiful Rizal Bin Haji Ariffin
Okttober 2016
UPM, Malaysia

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Mac 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Saiful Rizal Hj Ariffin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Perkaitan Demografi dengan Kebolehupayaan Bekerja dalam Kalangan Graduan Pusat Pembangunan Belia, Brunei" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nor Wahiza binti Abdul Wahat, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Haslinda binti Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Khairuddin b Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abd Hair bin Awang, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Jun 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor

Institut pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nobaya Ahmad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Saiful Rizal Bin Haji Ariffin, GS29941

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 20122013) telah dipatuhi.

Tandatangan:
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv

BAB

1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif	6
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Sumbangan Terhadap Pengetahuan dan Akademik	7
1.7.2 Sumbangan Terhadap Polisi	7
1.7.3 Sumbangan Terhadap Praktik	8
1.8 Limitasi	8
1.9 Definisi Terma	8
1.10 Kesimpulan	9
2 KAJIAN LEPAS	10
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Definisi dan Konsep Kebolehupayaan Bekerja	10
2.3 Model Kebolehupayaan Bekerja	12
2.4 Faktor Umur, Latar Belakang Akademik dan Kebolehupayaan Bekerja	15
2.5 Jangka Masa Mendapatkan Pekerjaan	16
2.6 Kebolehupayaan Bekerja Graduan Pada Pandangan Majikan	16
2.7 Kajian Lepas Terhadap Kebolehupayaan Bekerja	17
2.8 Kajian Lepas Terhadap Kemahiran Kebolehupayaan Bekerja	18
2.9 Kesimpulan	19
3 METODOLOGI KAJIAN	20
3.1 Pendahuluan	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	20

3.3	Kerangka Konsep Kajian	20
3.4	Populasi dan Persampelan	21
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	23
3.6	Instrumentasi Soal Selidik	23
3.6.1	Demografi graduan	23
3.6.2	Kebolehupayaan bekerja graduan	24
3.7	Ujian Kebolehpercayaan	26
3.8	Ujian-t	27
3.9	Korelasi	27
3.10	Kesimpulan	27
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	29
4.1	Pendahuluan	29
4.2	Profil Demografi Responden	29
4.2.1	Jantina, Status bekerja, Jenis Kursus, Status Bekerja, Latar Belakang Akademik dan Status melanjutkan Pelajaran	29
4.2.2	Responen	30
4.2.2	Umur dan Jangka Masa Mendapatkan Pekerjaan Responden	30
4.3	Kebolehupayaan Bekerja	31
4.3.1	Keadaan/Pembelajaran	31
4.3.1	Kebolehupayaan Bekerja	31
4.3.2	Tahap Keadaan/Pembelajaran	32
4.3.2	Kebolehupayaan Bekerja	32
4.3.3	Sikap Diri Terhadap Tanggungjawab	33
4.3.4	Tahap Sikap Diri Terhadap	34
4.3.4	Tanggungjawab	34
4.3.5	Kemahiran Insaniah Dalam Kerja	34
4.3.6	Tahap Kemahiran Insaniah Dalam	35
4.3.6	Kerja	35
4.3.7	Tahap Kebolehupayaan Bekerja	35
4.3.7	Keseluruhan	35
4.4	Perbezaan Kebolehupayaan Bekerja	36
4.4	Mengikut Jantina, Latar Belakang Akademik, Status Bekerja dan Jenis Kursus Yang Diikuti	36
4.5	Perkaitan Antara Umur dan Jangka Masa Mendapatkan	37
4.6	Kesimpulan	38
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	39
5.1	Pendahuluan	39
5.2	Rumusan Kajian	39
5.3	Implikasi Kajian	46
5.3.1	Program Pembangunan Belia	46
5.4	Cadangan	48
5.4.1	Program dan Kursus PPB	48
5.4.2	Pentadbiran PPB	48
5.4.3	Cadangan Kajian Seterusnya	49
5.5	Penutup	49

**RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR**

51
62
67



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Statistik Tenaga Kerja Umur 15 Tahun ke atas bagi tahun 2011	3
2	Statistik graduan PPB 2008-2012	4
3	Statistik Pecahan Status Graduan PPB 2008-2012	5
4	Peringkat Umur Pencari Kerja yang berdaftar 2010	15
5	Kelulusan Pencari kerja yang berdaftar 2010	16
6	Taburan populasi dan persampelan kajian	22
7	Ujian Kebolehpercayaan instrumen	27
8	Taburan kekerapan bagi jantina, jenis kursus, status bekerja, latar belakang akademik dan status melanjutkan pelajaran	30
9	Taburan kekerapan bagi umur dan jangka masa mendapatkan pekerjaan	31
10	Taburan peratusan item keadaan/pembelajaran kebolehupayaan Bekerja	32
11	Tahap keadaan/pembelajaran Kebolehupayaan bekerja	32
12	Taburan peratusan sikap diri terhadap Tanggungjawab	33
13	Tahap sikap diri terhadap tanggungjawab	34
14	Taburan peratusan item	34
15	Tahap kemahiran insaniah dalam pekerjaan	35
16	Tahap kebolehupayaan bekerja keseluruhan	35
17	Perbezaan kebolehupayaan bekerja mengikut Jantina, Latar Belakang Akademik, Status Pekerjaan dan Jenis Kursus Yang Diikuti	36
18	Perkaitan antara umur dan jangka masa mendapat pekerjaan	37

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	"Magic bullet" model of employability	13
2	Model of Graduate Employability Development	14
3	Kerangka Konsep Kajian	21



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Isu graduan sukar mendapatkan pekerjaan bukanlah suatu perkara yang baru bahkan telah wujud sejak awal tahun 1950an (Forrier and Sels, 2003). Istilah menganggur atau pencari kerja merupakan satu terma yang digunakan ke atas mereka yang belum mempunyai sebarang pekerjaan dan sedang mencari pekerjaan. Tenaga kerja bererti individu yang sedang bekerja atau menganggur tetapi bergiat aktif mencari pekerjaan. Manakala pekerja membawa erti individu bekerja untuk mendapatkan gaji, untung atau faedah atau pekerja keluarga (JPKE, 2010).

Menurut ILO (2011) dianggarkan sebanyak 80 juta peluang pekerjaan diperlukan dalam jangka dua tahun mendatang bagi memenuhi keperluan para belia yang sedang memasuki alam pekerjaan. Tambahan pula peluang pekerjaan semakin berkurangan dan pekerjaan yang berkualiti dan baik adalah berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi dan produktiviti, maka pembekalan sumber manusia di pasaran buruh kini menjadi kritikal dan perlukan perhatian sepenuhnya. Selain faktor pengambilan dan kedatangan pekerja asing terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pengangguran. Di antaranya faktor persaraan orang-orang dari era ‘*baby boomers*’ iaitu golongan pekerja yang lahir di antara tahun 1946 hingga 1964 (wikipedia) yang telah menjelaskan sejumlah besar organisasi di seluruh dunia (Dumay & Rooney, 2011). Perkhidmatan yang disambung bagi golongan berumur, tahap kemahiran dan pengalaman yang berbeza (Larwood et.al., 2001) adalah merupakan antara fenomena yang menyumbang kepada pengangguran belia.

Mengenal pasti dan memahami faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengangguran membolehkan sesebuah kerajaan pemerintah mengatasi isu-isu berkaitan pengangguran. Walaupun bukan dalam erti kata mengatasi keseluruhan pengangguran, mengurangkan faktor-faktor penyebab merupakan suatu tindakan yang lebih proaktif bagi jangka masa panjang. Salah satu terma yang selalu dikaitkan dengan pengangguran ialah kebolehupayaan bekerja.

Kebolehupayaan bekerja (*Employability*) merupakan istilah yang sering diperkatakan sejak kebelakangan dalam dimensi pekerjaan. Terma kebolehupayaan bekerja (*employability*) itu sendiri digunakan secara bertukar ganti dengan istilah lain seperti kemahiran teras, kemahiran utama dan kemahiran biasa. Seperti yang dijelaskan oleh UNESCO dalam *Graduate Employability in Asia* (2012) menyatakan;

"The term employability has gained prominence of late because of the changing world of work. Employability is used interchangeably with terms such as core skills, key skills, and common skills."

Kebolehupayaan bekerja merupakan keadaan diri seseorang yang mempunyai pekerjaan mahupun yang belum bekerja. Perkara ini bersandarkan kepada kualiti setiap individu yang mencari pekerjaan. Kerana lazimnya para majikan mahukan seorang pekerja yang bukan sahaja mempunyai kemahiran tetapi juga mempunyai sikap yang betul dan positif.

Northern Ireland Eksekutif (NIE) pula memberikan pengertian kebolehupayaan bekerja dengan lebih meluas. Mereka menyatakan bahawa kebolehupayaan bekerja ialah keupayaan individu untuk masuk dan bergerak di dalam pasaran buruh sekaligus menyedari potensi menerusi keupayaan bertahan dalam pekerjaan yang diperolehi (DHFETE, 2002.).

Keupayaan seseorang untuk mendapatkan pekerjaan dan mampu bertahan dalam pekerjaan tersebut juga adalah erti kepada kebolehupayaan bekerja. Dalam hal ini kemahiran dan pengetahuan secara tidak langsung memainkan peranan penting dalam mengekalkan kebolehupayaan bekerja individu kerana dalam proses perpindahan dari sebuah pekerjaan ke sebuah pekerjaan lain memerlukan penilaian bakal majikan. Lazimnya salah satu kriteria penilaian ialah mempunyai kemahiran atau pengalaman bekerja yang diperolehi sebelumnya. Dari itu, memperolehi kemahiran atau pengalaman dari pekerjaan sebelumnya sedikit sebanyak membantu mendapatkan pekerjaan yang dimahukan dan situasi tersebut yang dimaksudkan oleh NIE sebagai kebolehupayaan bekerja iaitu keupayaan bergerak dan masuk dalam pasaran kerja dan mengekalkan pekerjaan tersebut.

Nurita et al. (2010) juga menyatakan bahawa para majikan mencari pekerja yang mempunyai lebih dari kemahiran teknikal seperti pekerja yang mampu membuat pelbagai pekerjaan dan tugas. Ini bermakna, pekerja yang berkualiti dan menjadi rebutan majikan adalah pekerja yang mempunyai pelbagai keupayaan dan kemahiran, mampu melakukan pelbagai kerja dan mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi dalam kerja. Dalam erti kata lain, pekerja yang mempunyai nilai-nilai positif dan mempunyai kemahiran insaniah adalah menjadi keutamaan. Mempunyai modal insan yang baik adalah sangat diperlukan dan menjadi elemen penting bagi setiap ahli dalam sesebuah organisasi untuk dapat bertahan dalam keadaan ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan (Brown et al., 2002). Dari itu, pembangunan modal insan merupakan sebahagian daripada strategi organisasi bagi mengekalkan kestabilan organisasi kerana mereka percaya bahawa membuat pelaburan terhadap modal insan dan pendidikan sepanjang hayat adalah asas kepada kejayaan dalam ekonomi global (Thomson, 2009).

1.2 Latar Belakang

Dalam Konteks Negara Brunei Darussalam, kebelakangan ini banyak perhatian lebih terarah kepada kaedah mencari penyelesaian bagi mengurangkan pengangguran dan meningkatkan bilangan pekerja tempatan dalam pasaran kerja. Penyata statistik tahun 2011 bagi tenaga kerja yang berumur 15 tahun ke atas menunjukkan seramai 202,530 orang tenaga kerja yang sedang bergerak dalam pekerjaan dengan bilangan 183,715 orang pekerja dan selebihnya 18,815 penganggur sedang mencari pekerjaan (Jadual 1)

Jadual 1: Statistik Tenaga Kerja Umur 15 Tahun ke atas bagi tahun 2011

Kumpulan/ Tahun	Tenaga Kerja	Pekerja	Penganggur
2011	202,530	183,715	18,815

(Sumber: Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi, Brunei)

Statistik menunjukkan tren pengangguran dalam kalangan belia semakin meningkat kerana pelbagai faktor. Antara penyebab pengangguran tersebut adalah seperti pengambilan yang tinggi tenaga kerja asing menyebabkan jumlah pekerja asing di negara ini mencecah puluhan ribu orang sekaligus membawa peningkatan pengangguran belia tempatan (JPKE, 2010). Menurut laporan awal tahun Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi Brunei menyatakan bahawa pekerja asing mengisikan jawatan-jawatan kosong pelbagai sektor seperti sektor perkhidmatan, pengeluaran, pengangkutan, pembinaan, perkeranian dan kesihatan yang merangkumi kerja-kerja seperti pelayan restauran, tukang masak, pemandu jentera berat, buruh pembinaan, pembersih, pembantu rumah, kerani pejabat, attandan, jurujual, mekanik, jurubina dan sebagainya. Manakala tahap pekerjaan yang diisikan juga meliputi dari tahap kurang mahir, separa mahir dan mahir (JPKE, 2010).

Memang tidak dinafikan bahawa Brunei masih lagi memerlukan tenaga-tenaga pakar dalam sektor-sektor tertentu seperti penjagaan kesihatan, teknikal dan kejuruan khas. Walau bagaimanapun sedikit demi sedikit telah mula dapat diambil alih oleh anak tempatan dan menjadi rangka utama pembangunan negara untuk menggantikan tenaga pakar daripada pekerja asing kepada anak tempatan menjelang tahun 2035 melalui transformasi sistem pendidikan teknikal dan vokasional yang relevan dengan perkembangan dan kemajuan industri dan ekonomi negara (Abdullah, 2011). Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh agensi kerajaan adalah dengan cara mengawal kemasukan pekerja asing ke negara ini dan pada masa yang sama pelbagai usaha telah dibuat bagi melengkapkan belia-belia Brunei dengan aspek-aspek kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dan industri. Selain itu, bagi mengatasi masalah tersebut Negara Brunei Darussalam mengambil langkah dalam meningkatkan kapasiti sumber manusia dan pembangunan modal insan dengan pelbagai kaedah seperti melalui pendidikan teknikal, vokasional dan lapangan profesional. Salah sebuah institusi yang menyediakan program

kemahiran dengan pembangunan modal insan ialah Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Pusat Pembangunan Belia ditubuhkan pada tahun 1996 adalah bertujuan membantu para belia yang tidak dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi atau yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan dengan memberikan mereka latihan kemahiran yang mereka minati (Ismail, 2006). Program Pembangunan Belia mensasarkan para belia yang tidak dapat meneruskan persekolahan atau belia yang sedang mencari pekerjaan. Mereka diberikan pembelajaran dalam bentuk kemahiran yang mereka minati dan yang mereka perlukan menjadi nilai tambah dalam mencari pekerjaan. Para pelatih yang mengikuti kursus di PPB bukan sahaja diberikan latihan kemahiran semata-mata, bahkan mereka juga dibekalkan dengan pelbagai kemahiran dan semi akademik bahkan juga pembentukan dan penanaman modal insan turut dipentingkan dengan kemahiran sahsiah lainnya seperti pengetahuan berkaitan dengan pekerjaan, jati diri dan keyakinan diri, kerja berpasukan, keugamaan, sahsiah dan lain-lain lagi. Segala bentuk kursus atau pengajaran diolah dalam bentuk kurikulum yang melibatkan fizikal, kerohanian, kaedah berfikir, dan kepimpinan. Program yang komprehensif sebegini adalah bagi pembentukan modal insan agar melengkapi para pelatih dengan kemahiran sampingan yang diperlukan industri.

PPB pada dasarnya berbeza dengan institusi teknikal dan vokasional tempatan dalam beberapa aspek seperti latar belakang akademik pelatih iaitu penerimaan kemasukan pelatih tidak menekankan kepada kelulusan akademik sebagai syarat oleh itu para pelatih yang mengikuti Program Pembangunan Belia diwakili oleh pelbagai peringkat latar belakang akademik dari darjah tiga hingga peringkat diploma. Begitu juga dengan peringkat umur yang menjadi sasaran adalah dalam lingkungan umur 18-40 tahun iaitu umur takrif belia di negara ini. keadaan ini merupakan suatu cabaran bagi PPB untuk menggunakan kaedah dan silibus yang sama bagi keseluruhan kelompok.

Jadual 2: Statistik graduan PPB 2008-2012

Jantina	2008	2009	2010	2011	2012
Lelaki	61	72	65	76	52
Perempuan	78	87	80	84	64
Jumlah	139	159	145	160	116

(Sumber: Pusat pembangunan Belia)

Sebagai sebuah pusat latihan kemahiran, kualiti dan keberkesanan program harus direka bentuk untuk membolehkan para pelajar mengikuti dengan baik dan diselaraskan sepenuhnya (Brinia & Soundoulounaski, 2011) dengan mengambil kira minat dan penglibatan para peserta. Secara relatifnya, daripada penstrukturkan program yang baik akan melahirkan hasil yang terbaik. Dalam konteks ini PPB telah pun melaksanakan sebuah program latihan yang komprehensif dengan melibatkan pelbagai aspek-aspek kritikal untuk berjaya

setelah menamatkan latihan kelak. Statistik pendaftaran pelatih dari tahun 2008 - 2012 (Jadual 2) menunjukkan keramaian mencecah 719 orang graduan.

Manakala daripada statistik pecahan status graduan mulai dari tahun 2008 hingga 2012 (Jadual 3) menunjukkan hampir 50.3% graduan telahpun mendapat pekerjaan baik di sektor awam maupun swasta. Manakala 2.78% menceburji bidang perniagaan, 9.17% melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Sejumlah 28% graduan masih lagi mencari pekerjaan dan baki 9.5% graduan pula tidak dapat dihubungi samada menjadi suri rumah tangga atau berpindah tempat tinggal.

Jadual 3: Statistik Pecahan Status Graduan PPB 2008-2012

	2008	2009	2010	2011	2012	%	Jumlah
Bekerja	56	80	59	85	82	50.3	362
Berniaga	4	5	-	9	2	2.78	20
Belajar	5	5	28	26	2	9.17	66
Mencari pekerjaan	38	36	58	40	30	28.09	202
Tidak dapat dihubungi	36	33	-	-	-	9.59	69
Jumlah graduan	139	159	145	160	116	100	719

(Sumber: Pusat Pembangunan Belia)

Salah satu langkah proaktif PPB dalam menangani isu pengangguran dalam kalangan lepasan graduan adalah dengan mendapatkan data status terkini graduan dari masa ke semasa. Para lepasan yang belum mendapatkan pekerjaan atau sedang mencari pekerjaan akan dimasukkan ke dalam senarai pencari pekerjaan yang biasanya akan diserahkan dan disalurkan kepada pihak industri yang memerlukan.

1.3 Permasalahan Kajian

Walau bagaimanapun, disebalik langkah proaktif yang dilaksanakan tersebut masih terdapat jurang pengetahuan terhadap beberapa perkara yang melibatkan kejayaan mahupun kegagalan dalam kebolehupayaan bekerja graduan. Melihat daripada perangkaan jumlah besar tenaga kerja asing yang mengisi jawatan kosong dalam pelbagai sektor swasta dengan perbandingan perangkaan terkini graduan PPB yang menunjukkan seramai 28% graduan masih mencari pekerjaan. Sepatutnya dengan latihan kemahiran dan program pembangunan modal insan yang diterapkan ke dalam diri pelatih memungkinkan peluang terbuka luas bagi graduan untuk mengisikan jawatan yang ditawarkan. Bagi mencapai maksud tersebut, terlebih dahulu PPB perlu kepada suatu asas yang kukuh sebagai pembuktian bahawa program-program yang telah dijalankan adalah mencapai sasaran dan boleh terus meningkat. Penilaian ke atas keberkesanan latihan amat penting untuk melihat

sejauhmana manfaat yang diperolehi daripada sejumlah besar wang dan masa yang diperuntukkan kepada bidang ini (Abd. Hair et.al., 2004). Menurut kajian analitik antarabangsa terhadap pasaran buruh menyatakan bahawa terdapat jurang pengetahuan di antara keperluan pasaran buruh dengan hasil keluaran dari sistem pendidikan (Khawaja, S. 1991; AGR., 1995 & Teichler, 1999).

Menurut Kajian Noroljanah (2011), Program Pembangunan Belia yang dilaksanakan oleh PPB memberikan kesan positif kepada para pelatih. Kajian beliau memfokuskan peranan dan kesan program terhadap diri pelatih masing-masing. Dari itu kajian ini akan melihat dari aspek lain yang berperanan mempengaruhi kebolehupayaan bekerja graduan iaitu dari aspek demografi graduan. Kajian ini dilaksanakan memandangkan belum ada kajian yang dibuat sebelumnya untuk mengetahui kebolehupayaan bekerja graduan PPB sejak ianya ditubuhkan khususnya untuk melihat tahap kebolehupayaan bekerja graduan.

Selain itu fokus kajian juga adalah hendak melihat perkaitan antara faktor demografi dengan kebolehupayaan bekerja graduan, adakah terdapat perbezaan kebolehupayaan bekerja mengikut faktor demografi. Adakah terdapat perkaitan antara profil demografi umur dan jangka masa mendapatkan pekerjaan dengan kebolehupayaan bekerja graduan. Walaupun fokus kajian ini hanya tertumpu kepada aspek demografi tetapi hasil kajian ini dapat membekalkan input yang baik dan berguna bagi PPB untuk meneruskan dan meningkatkan lagi kualiti program sedia ada.

1.4 Objektif

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor demografi yang berkaitan dengan kebolehupayaan bekerja dalam kalangan graduan Pusat Pembangunan Belia. Untuk lebih terperinci lagi, kajian ini adalah bertujuan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti profil demografi antara graduan.
- ii. Mengenal pasti tahap kebolehupayaan bekerja antara graduan.
- iii. Mengenalpasti perbezaan kebolehupayaan bekerja antara graduan mengikut jantina, latar belakang akademik, status pekerjaan dan jenis kursus.
- iv. Mengenalpasti perkaitan antara jenis kursus graduan dan jangka masa mendapatkan pekerjaan bagi graduan.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, secara umumnya akan menjawap soalan kajian berikut:

- i. Apakah profil demografi antara graduan?
- ii. Apakah tahap kebolehupayaan bekerja antara graduan?

- iii. Adakah terdapat perbezaan kebolehupayaan bekerja mengikut jantina, latar belakang akademik, status pekerjaan dan jenis kursus.
- iv. Mengenalpasti perkaitan antara jenis kursus graduan dan jangka masa mendapatkan pekerjaan bagi graduan bekerja.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan menguji hipotesis berikut:

- i. Ho 1: Tidak terdapat perbezaan kebolehupayaan bekerja antara graduan mengikut jantina, latar belakang akademik, status pekerjaan dan jenis kursus.
- ii. Ho 2: Tidak terdapat perkaitan antara jenis kursus graduan dan jangka masa mendapatkan pekerjaan bagi graduan.

1.7 Kepentingan Kajian

Memandangkan kajian ini merupakan kajian yang pertama kali bagi mendapatkan gambaran jelas terhadap kebolehupayaan bekerja graduan PPB. Maka perolehan dapatan kajian ini memberi sumbangan dan kepentingan terhadap tiga aspek utama iaitu sumber pengetahuan, polisi dan praktik.

1.7.1 Sumbangan terhadap Pengetahuan dan Akademik

Kajian ini akan memberikan sumbangan terhadap sumber pengetahuan sedia ada dengan memberikan gambaran baru terhadap kebolehupayaan bekerja graduan khususnya dalam konteks belia Brunei yang pernah mengikuti Program Pembangunan Belia. Tambahan pula, Pusat Pembangunan Belia merupakan sebuah institusi latihan kemahiran dalam sektor awam yang melaksanakan bidang latihan vokasional selain dari Kementerian Pendidikan. Perkara ini membuatkan hasil kajian ini penting bagi melihat suatu pencapaian dan kesan perlaksanaan program yang dijalankan selaku alat ukur perbandingan dengan agensi pendidikan vokasional lain samada di Brunei maupun di luar negara.

Selain itu, kajian ini juga memberi sumbangan terhadap perkembangan akademik. Kajian ini memberikan pengesahan penggunaan alat pengukur berupa kajiselidik kebolehupayaan bekerja graduan (*Graduate Employability Questionnaire*) yang telah dibangunkan oleh Tan,(2009) disamping memberikan sumbangan data terhadap faktor-faktor demografi yang berkaitan dengan kebolehupayaan bekerja graduan dalam konteks Brunei.

1.7.2 Sumbangan Terhadap Polisi

Manakala dari aspek polisi pulak, kajian ini memberikan implikasi ke atas penilaian semula program latihan dan kurikulum sedia ada sebagai usaha

meningkatkan keberkesanan program yang ditawarkan. Selain itu, penilaian semula terhadap peranan dan tanggungjawab para “stakeholder” dan jaringan kerjasama PPB dengan agensi awam dan swasta bagi memaksimumkan kesan dan ruang lingkup kerjasama.

1.7.3 Sumbangan Terhadap Praktik

Kepentingan kajian yang ketiga adalah dari aspek praktik iaitu dengan mengenalkan beberapa prosedur baru kemasukan para pelatih baru bagi mengelakkan pembaziran kuota. Membuat penilaian semula kurikulum yang masih digunakan pada masa ini dengan membuat penyelarasan dan kajian terhadap keperluan industri sebenar. Penggunaan kurikulum yang lebih tinggi piawaiannya melalui badan-badan yang diiktiraf merupakan satu aspirasi PPB.

